

Headline **Lancar pusat kecemerlangan teknologi**
Date **25 Jan 2010**
MediaTitle **Berita Harian (Johor)**
Section **News**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **231,163 / 1,368,000**

Language **Malay**
Page No **8**
Article Size **368 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **10,725**
PRValue **32,175**



Lancar pusat kecemerlangan teknologi

UTM, Mimos usaha perkukuh aktiviti penyelidikan dan pembangunan telekomunikasi

Oleh Mohd Zin Ali
mdzine@bharian.com.my

SKUDAI: Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Mimos Berhad (Mimos) melancarkan Pusat Kecemerlangan Teknologi Komunikasi di Fakulti Kejuruteraan Elektrik UTM, di sini.

Penubuhan pusat kecemerlangan itu bertujuan memperkukuhkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang telekomunikasi, sekali gus meningkatkan persaingan di kalangan penggiat industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) tempatan khususnya di wilayah Iskandar Malaysia.

Bersesuaian dengan kepayaan UTM yang mempunyai kepakaran dan pengalaman lebih 20 tahun dalam bidang teknologi komunikasi, pusat kecemerlangan berkenaan dijangka mampu menyediakan lebih maklumat serta peluang pekerjaan pada masa akan datang.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Fadillah Yusof, berkata dalam usaha memperkukuhkan sektor telekomunikasi, negara perlu mewujudkan satu ekosistem baru yang boleh mengubah program R&D dan pelan tindakan sedia ada ke arah lebih komersial dan berdaya saing.

"Ekosistem ini bukan saja



FADILLAH (kiri) diiringi Zaini (tiga dari kiri) ketika merasmikan Pusat Mimos UTM Centre of Excellent Telecommunication Technology di UTM Skudai.

penting untuk memajukan sektor telekomunikasi tempatan malah mampu memacu pulangan yang lebih besar di peringkat global," katanya selepas menyempurnakan majlis pelancaran Pusat Kecemerlangan Teknologi Komunikasi itu.

Fadillah berkata, pembangunan pusat kecemerlangan

di UTM memberi tumpuan terhadap jaringan komunikasi sedia ada yang mana ia memainkan peranan penting dalam mengenal pasti dan menyediakan jalan penyelesaian terbaik dalam kajian komunikasi tanpa wayar.

Sementara itu, Naib Canselor UTM, Prof Datuk Dr Zaini Ujang, berkata jalinan

kerjasama dengan Mimos mencerminkan peningkatan usaha institusi pengajian tinggi (IPT) itu dalam bidang komersial.

"Pihak universiti sentiasa berusaha mengadakan kerjasama dengan pusat penyelidikan berkaitan bagi mempertingkatkan kualiti dalam bidang industri dan

bio-teknologi.

"Malah, untuk tujuan itu, UTM mengambil inisiatif meningkatkan kemudahan WiFi di kampus dengan menambah kelajuan sedia ada iaitu 167mbps kepada 425 mbps bagi memudahkan pelajar dan kakitangan menjalankan kerja penyelidikan," katanya.